

# BAB 1

## Pengenalan

### 1.1 PENDAHULUAN

Al-Quran diturunkan oleh Allah s.w.t sebagai mukjizat kepada Nabi Muhammad s.a.w sehingga akhir zaman. Al-Quran juga merupakan rujukan penting nahu bahasa Arab oleh para ulama' nahu. Al-Quran mengandungi ayat-ayat yang fasih yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana manusia mahupun jin.

Firman Allah :

﴿وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأْتُوا بِسُورَةٍ مِّمَّنْ مِثْلِهِ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ﴾<sup>1</sup>

Terjemahan :

*Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Quran) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.*

Objektif utama mempelajari bahasa Arab adalah untuk memahami isi al-Quran. Asas mempelajari bahasa Arab memerlukan pemahaman yang mantap tentang asas-asas bahasa Arab dari aspek sintaksis dan morfologi. Penguasaan kedua-dua aspek ini memerlukan kesungguhan dan ketekunan yang tinggi untuk menjadikan seseorang pelajar itu mampu berkomunikasi dengan baik dan memahami teks dengan betul.

---

<sup>1</sup> Surah al-Baqaraṭ ayat 23

## **1.2 PERMASALAHAN KAJIAN**

Ayat penafian di dalam bahasa Arab amat meluas penggunaannya di samping ayat tanpa penafian. Untuk memahami konsep frasa penafian dengan betul, kita perlu tahu tentang makna dan fungsi setiap huruf nafi dengan betul dan tepat.

Terdapat banyak huruf nafi digunakan dalam bahasa Arab berbanding dengan perkataan nafi yang digunakan dalam bahasa Melayu. Satu-satu huruf nafi mempunyai maksud yang berbeza jika digunakan dalam ayat. Bahasa Arab merupakan bahasa yang unik dan kaya dari aspek perbendaharaan kata, ayat mahupun uslub. Kepelbagaian penggunaan huruf nafi juga menggambarkan keunikan bahasa dan maksud yang hendak disampaikan. Pemahaman terhadap bahasa Arab atau lebih penting ialah pemahaman terhadap isi kandungan al-Quran akan tersasar. Satu penjelasan tentang penggunaan satu-satu huruf ini dalam ayat perlu dilakukan.

Dalam hal ini, al-Quran dijadikan rujukan utama untuk mengenali dan memahami setiap huruf nafi termasuk penggunaannya menurut nahu bahasa Arab. Kepelbagaian penggunaan huruf nafi dalam al-Quran telah menjelaskan fungsi dan maknanya. Kesalahan penggunaannya dengan tepat akan memberi kesan kepada makna sesuatu ayat. Kajian yang lebih mendalam perlu untuk melihat penggunaannya bertepatan selaras dengan fungsi dan makna sesuatu huruf nafi.

## **1.3 SEBAB-SEBAB PEMILIHAN TAJUK**

Pengetahuan tentang gaya bahasa meliputi pengetahuan tentang pola, frasa serta laras ayat yang berbagai jenis, yang menerangkan pelbagai makna. Kenyataan ini telah mendorong penulis untuk memilih tajuk ini atas beberapa faktor, antaranya :

1. Kajian mengenai frasa penafian masih belum dibahasakan. Perbahasan berkaitan frasa penafian bertujuan memperbetulkan kefahaman tentang penggunaan huruf nafi.
2. Setiap huruf ini mempunyai makna dan fungsi yang tertentu. Kesilapan penggunaan huruf ini dengan betul akan mengubah maksud dan tujuan sesuatu ayat. Kajian yang teliti dan mendalam perlu dijalankan bagi mengelakkan kesilapan.
3. Gaya bahasa penafian yang digunakan dengan meluas dalam al-Quran memerlukan pengkajian dan perbahasan mendalam kerana ia akan menjelaskan penggunaan sesuatu huruf nafi dan memperlihatkan kekuatan gaya bahasa itu.

Penulis memilih surah al-An'a:m untuk dijadikan surah kajian berdasarkan beberapa faktor yang boleh disimpulkan seperti berikut :

1. Surah ini merupakan antara surah-surah yang panjang dalam al-Quran. Pengkajian huruf nafi memerlukan perbandingan data yang banyak untuk menunjukkan kesahan teori yang diutarakan. Memandangkan surah ini mengandungi 165 ayat dan terkandung didalamnya 126 kali penggunaan huruf nafi maka jumlah ini sedikit sebanyak akan menunjukkan kesesuaian dan ketepatan penggunaan huruf ini dalam bahasa Arab.
2. Surah ini masih kurang diterokai oleh pengkaji tempatan terutamanya dalam pengkajian bidang bahasa dan linguistik.
3. Surah ini merupakan suatu surah yang mengandungi banyak ayat yang menyangkal dan menafikan dakwaan kaum musyrikin Mekah dan kaum Yahudi mengenai pendustaan dan pembohongan mereka terhadap Allah serta dakwaan-dakwaan yang palsu tentang kenabian dan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.

#### 1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Berdasarkan kepada pengamatan, kajian sebegini amat perlu dilaksanakan dan diteruskan usaha murni ini pada masa akan ini. Antara sebab-sebabnya ialah :

- i. Kajian yang berkaitan dengan huruf nafi dalam bahasa Arab masih kurang diterokai oleh sarjana tempatan secara terperinci dan mendalam dengan memberikan tumpuan utama terhadap al-Quran.
- ii. Kajian ini pada prinsipnya memberi gambaran lengkap dan sempurna berhubung dengan fungsi sesuatu huruf nafi di dalam al-Quran dan kepentingannya dalam bahasa Arab.
- iii. Meningkatkan daya kefahaman dan ketakjuban terhadap al-Quran. Seajar dengan itu, ia dapat memantapkan keimanan. Ini kerana pemahaman terhadap fungsi sesuatu huruf nafi berupaya menyampaikan mesej atau kenyataan yang lebih jelas, mantap dan tegas yang pasti akan memberi kesan mendalam di dalam hati pendengar atau pembaca.
- iv. Pemilihan surah al-An'a:m untuk dijadikan bahan kajian dan analisis kerana surah ini masih kurang diterokai dari sudut sintaksis. Surah al-An'a:m antara 7 surah yang panjang serta hampir mempunyai kesemua penggunaan huruf nafi yang akan dibincangkan. Tambahan pula surah ini banyak menyebut tentang ketauhidan dan keesaan Allah yang menafikan tuduhan palsu terhadap Allah s.w.t. oleh kaum Yahudi dan kaum Musyrikin Mekah.

## 1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian dijalankan ialah :

- i. Memperkenalkan konsep gaya bahasa penafian dengan cara yang lebih jelas dan sistematik.
- ii. Mengenalpasti gaya bahasa penafian yang terdapat dalam surah al-An‘a:m yang merupakan sebahagian dari gaya bahasa yang digunakan di dalam al-Quran al-Karim.
- iii. Menjelaskan makna dan fungsi huruf nafi yang terkandung di dalam surah ini.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Sesuatu penyelidikan yang bakal dijalankan mempunyai had sempadan yang tertentu. Ini bertujuan melicinkan proses kajian yang dilaksanakan serta membantu menjayakan motif yang dituju.

Kajian ini hanya tertumpu kepada penganalisan gaya bahasa penafian dalam surah al-An‘a:m yang menggunakan huruf nafi : لَّا - لَا تَ - مَا - إِنْ - لَمْ - لَمَّا - لَنْ<sup>1</sup>

Satu tinjauan khusus terhadap ayat penafian di dalam surah al-An‘a:m akan dianalisis. Pelbagai aspek diberi penekanan antaranya ialah jenis penggunaan huruf nafi yang terdapat dalam frasa penafian, perubahan makna sesuatu huruf nafi dan skop perbahasan menggunakannya.

---

<sup>1</sup> Al-Bala:ghaṭ al-‘Arabiyat : Ususuha: wa ‘Ulu:muha: wa Funu:nuha: hlm 203

## 1.7 BIDANG KAJIAN

Oleh kerana bidang yang dikaji merupakan bidang linguistik deskriptif<sup>1</sup> ia akan meliputi beberapa bidang kajian perlu diberi perhatian termasuk bidang-bidang yang berikut :

### 1. Sintaksis

Fokus kajian yang paling penting adalah dalam bidang sintaksis<sup>2</sup>. Sebahagian besar kajian ini tertumpu kepada penggunaan huruf nafi sambil melihat kepada perubahan pola ayat dari aspek kasus dan makna. Ia perlu diberi perhatian yang teliti supaya kajian tidak tersasar dari objektif kajian yang asal.

### 2. Morphologi

Kajian serba sedikit akan menyentuh bidang morfologi<sup>3</sup> untuk mengetahui tentang sesuatu huruf samada asal atau gabungan dari dua huruf. Perbincangan dalam bidang ini tidak akan disentuh secara langsung malah ia akan dibincangkan jika perlu.

### 3. Semantik

Bidang semantik tidak kurang pentingnya dalam kajian tetapi ia bukanlah merupakan tujuan kajian. Apabila kajian tertumpu kepada bidang sintaksis maka ia tidak dapat lari dari apa yang berlaku terhadap makna sesuatu ayat sama ada yang tersurat dan yang tersirat. Setiap perubahan yang berlaku ke atas perkataan akan memberi impak yang besar kepada makna, begitu juga halnya jika berlaku perubahan ke atas struktur ayat.

---

<sup>1</sup> Teori Bahasa, Implikasinya Terhadap Pengajaran Bahasa hlm 40

<sup>2</sup> Linguistik Am hlm 151

<sup>3</sup> Linguistik Am hlm 117

## 1.8 KAJIAN LAMPAU

Tugas dan peranan huruf tidak boleh dipandang ringan walaupun ia merupakan satu unsur yang kecil dalam bahasa Arab. Ia sebenarnya mempunyai tugas yang amat penting dalam menentukan makna sesuatu ayat bertepatan dengan fungsi penggunaannya. Setiap ayat yang didasari dengan apa sahaja ikatan huruf akan membentuk kefahaman kepada maksud yang ingin disampaikan.

Berasaskan kepentingan inilah, maka kajian ini dilakukan untuk menerangkan konsep ayat penafian dalam struktur yang tepat sesuatu ayat secara amnya di dalam al-Quran dan surah al-An'a:m secara khususnya.

Di dalam penerokaan perkembangan kajian lampau, pengkaji mendapati tajuk dan persoalan kajian ini masih belum dijadikan tajuk oleh para pengkaji dari Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya malah tajuk yang berkaitan dengan frasa penafian ini, terutamanya berkaitan dengan pola frasa penafian serta fungsi huruf nafi dan makna di dalam surah-surah al-Quran.

Berikut ialah tajuk-tajuk disertasi dan sinopsis kajian terdahulu yang berkaitan dengan frasa dan huruf :

1. Analisis Gaya Bahasa Doa : Satu Kajian Deskriptif Di Dalam Al-Qur'an oleh Saipol Barin bin Ramli. Kajian ini bertujuan meninjau dan memperkenalkan gaya bahasa doa untuk menyingkap pengertian hikmah serta mukjizat gaya bahasa doa dalam al-Quran. Perbincangan gaya bahasa ini mengambil kira teori berkaitan dengan permasalahan gaya bahasa, perbandingan dan pengaruh bahasa ke dalam bahasa lain. Kajian ini lebih kepada memperkenalkan konsep gaya bahasa doa serta bentuknya.

2. Struktur Ayat Di Dalam Nahu Arab : Analisis Penggunaan Al-Nawasikh Di Dalam Karya Al-Manfalutiy oleh Syed Shahridzan Syed Mohamed. Kajian ini membahaskan tentang ayat dari sudut definisi, rukun , jenis dan struktur ayat sama ada kekal atau berubah berdasarkan kaedah sintaksis.
3. Huruf Jarr Dalam Al-Quran : Satu Kajian Nahu Dan Makna oleh Ahmad Rushaidi bin Abdul Hamid. Kajian bertujuan membincangkan kepentingan semantik huruf jarr dalam pembentukan ayat yang sempurna. Kajian ini dilakukan untuk menerangkan asas-asas yang digunakan di dalam penentuan makna di dalam struktur ayat bahasa Arab. Perbincangan tertumpu pada pendefiniasian, fungsi, bilangan dan pembahagian huruf jarr dari pandangan ahli linguistik dan perbahasan ahli tafsir terhadap semantik huruf jarr.
4. Uslub Istifham Dalam Al-Quran oleh Mohd Sodri bin Abdullah pula membincangkan mengenai bentuk uslub istifham sama ada dengan menggunakan huruf istifham ataupun tidak serta makna-makna yang tersirat di sebalik uslub istifham.
5. Uslub Istifham Dalam Al Quran Satu Analisis Dalam Surah Al-Baqarah oleh Muhamad Farid Wajdi bin Tajudin juga membincangkan tentang gaya bahasa yang istifham dari sudut penggunaannya dalam al-Quran serta menyerlahkan kemukjizatannya. Setiap dari kata istifham disentuh dengan mendalam serta diterangkan ciri-ciri penyoyal. Kajian ke atas surah al-Baqarah bertujuan menganalisis unsur balaghah yang terdapat dalam ayat.

Tinjauan juga mendapati para sarjana Arab muta'akkhhir seperti Faḍl Ḥassan 'Abba:s, Ibnu al-Anba:riy, Al-Syeikh Muṣṭafa: Ghala:yiniy dan juga ulama' nahu yang terdahulu seperti al-Sayu:tiy dan Ibnu Jinni telah membincangkan tentang huruf nafi dalam bahasa Arab dan penggunaannya dari segi sintaksis dan gaya bahasa yang sedang digunapakai



oleh orang Arab serta mengambil contoh-contoh dari al-Quran sebagai hujah untuk menyokong pendapat mereka tentang satu-satu huruf nafi di samping meletakkan pendapat dan pertikaian antara para ulama' nahu. Namun pengkajian secara analisis terhadap ayat penafian akan disentuh secara khusus. Keadaan ini disebabkan oleh beberapa sebab yang akan dibincangkan di dalam disertasi nanti.

## **1.9 METODOLOGI KAJIAN**

Beberapa kaedah telah digarapkan untuk menghasilkan satu kajian yang cemerlang dari segi persembahan dan isi kajiannya. Ianya amat perlu supaya hasil kajian tidak tersasar daripada motif yang sebenar.

Bahan kajian adalah terdiri daripada kitab suci al-Quran menurut bacaan Ḥafṣ bin 'A:ṣim dengan aturan penulisan Rasm 'Uthma:niy. Fokus utama tertumpu kepada pemakaian huruf nafi yang terdapat dalam surah al-An'a:m.

Antara metodologi yang akan digunakan dalam kajian ialah :

### **1. Pengumpulan**

Dalam usaha untuk mengumpul data-data serta maklumat penting untuk bahan kajian penyelidikan ini, metod dokumentasi akan digunakan agar maklumat terkumpul itu tepat dan sempurna. Pengkaji akan mendapatkan keterangan dengan meneliti dokumen-dokumen berkaitan dengan masalah yang dikaji. Dokumen itu ialah sumber bertulis yang dapat memberi pelbagai keterangan sama ada berbentuk catatan, laporan, penyelidikan, jurnal, kertas kerja dan sebagainya. Sumber dokumen yang diutamakan ialah kitab suci al-Quran serta

kitab-kitab tafsir dan kitab-kitab nahu bahasa Arab sama ada karya ulama' terdahulu atau sekarang.

## 2. Cara pemilihan Korpus

Al-Quran dipilih untuk dijadikan bahan kajian serta mengeneralisasikan segala teori yang telah dinyatakan. Al-Quran terpilih kerana ia merupakan sebab utama tercetusnya ilmu tatabahasa Arab yang menjaga fleksinya daripada berlaku kesilapan baris.

Pada peringkat permulaan, kesemua ayat yang terdapat dalam surah al-An'a:m dibaca sepintas lalu bagi mencari korpus khusus yang bertepatan dan bersesuaian dengan kajian yang bakal dijalankan.

## 3. Cara Menganalisis Data

Bagi tujuan menganalisis data dan maklumat yang diperolehi, beberapa kaedah digunakan. Antaranya ialah :

### i. Metod Induktif

Bagi memenuhi kajian ini, data-data yang dikumpulkan kebanyakannya bersifat sekunder yang berupa teori dan fakta hasil penemuan ulama' terdahulu. Teori-teori ini difahami dan diteliti sebelum digeneralisasikan ke atas al-Quran.

Segala frasa penafian disenaraikan satu persatu. Setiap terjemahan yang diberikan adalah terjemahan asal yang dipetik secara langsung dari kitab "*Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*" hasil

terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih yang dikeluarkan oleh Jabatatan Perdana Menteri.

ii. Metod Deduktif

Ia mempunyai makna yang berlawanan dengan metod induktif. Pendekatan ini adalah dengan mengemukakan suatu kaedah yang disusuli selepasnya dengan menyatakan bukti-bukti yang mempertahankan dan membenarkan kenyataan yang dikemukakan itu.

iii. Metod Komparatif

Kaedah ini digunakan ketika membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi.

## **1.10 RANGKA KAJIAN**

Untuk memudahkan setiap disertasi ini difahami dengan jelas, penulis membahagikan disertasi kepada lima bab. Dalam setiap bab perbincangan-perbincangan terperinci diterangkan seperti berikut :

### **Bab Satu**

Dalam bab ini diterangkan tentang pendahuluan, sebab-sebab pemilihan tajuk, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian, sumbangan kajian, kajian lampau dan rangka kajian.

## Bab Dua

Perbahasan ulama' nahu tentang teori huruf nafi dalam bahasa Arab. Perbahasan tertumpu kepada huruf nafi yang terdapat dalam bahasa Arab berkenaan fungsi dan makna.

## Bab Tiga

Pola ayat penafian dalam bahasa Arab. Perbincangan tertumpu kepada definisi serta pandangan ulama terdahulu dan masa kini tentang gaya bahasa disamping penekanan terhadap objektif pembentukan frasa samada frasa tanpa penafian atau frasa penafian.

## Bab Empat

Frasa Penafian dalam surah al-An'a:m. Surah al-An'a:m akan dibincangkan secara umum untuk memahami ayat-ayatnya kemudian frasa penafian akan disenaraikan dan dibincangkan secara terperinci.

## Bab Lima

Kesimpulan kepada keseluruhan perbincangan dan analisis yang telah dijalankan termasuk cadangan-cadangan tentang penulisan yang berkaitan bidang sintaksis.